

**PERBANDARAN LESTARI ISLAM: KAJIAN DI
MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU
BANDAR RAYA ISLAM (MPKB-BRI),
KELANTAN**

SYAIDATANA SITI AISHAH BINTI AB AZIZ

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**PERBANDARAN LESTARI ISLAM: KAJIAN DI
MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU
BANDAR RAYA ISLAM (MPKB-BRI),
KELANTAN**

oleh

SYAIDATANA SITI AISHAH BINTI AB AZIZ

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mac 2021

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT yang telah memudahkan urusan penyelidikan dan penulisan tesis ini. Dengan berkat limpah kurnia dan izin-Nya penyelidik berjaya menyempurnakan penulisan tesis ini dengan baik. Dalam menyiapkan penulisan tesis ini, penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam memberi pertolongan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada semua pensyarah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) terutamanya kepada penyelia utama Dr Wan Norhaniza Wan Hasan dan penyelia bersama Dr Shereeza Mohamed Saniff yang sentiasa memberi bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan cadangan kepada penyelidik bagi menyiapkan penulisan tesis ini. Tidak lupa juga staf pentadbiran yang banyak memberikan kerjasama.

Penghargaan turut diberikan kepada semua informan yang terdiri daripada ahli akademik dan ahli agamawan. Buat pihak institusi yang terlibat secara langsung dalam penyelidikan ini, sekalung penghargaan kepada pihak MPKB-BRI serta informan yang terdiri daripada kakitangan MPKB-BRI. Terima kasih di atas perkongsian ilmu, pandangan dan kerjasama yang telah diberikan. Bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, sekalung penghargaan diucapkan atas tajaan MyBrain15 dalam membantu membiayai pengajian sepanjang menyiapkan penyelidikan ini. Kajian ini juga merupakan sebahagian daripada hasil kajian Model Indeks Pembangunan Lestari Islam pembiayaan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2017/SSII10/USM/02/1; ID: 188290-207709) seliaan Universiti Sains Malaysia C203.CISDEV.6711595.

Penghargaan yang teristimewa pula ditujukan buat suami tercinta Mohd Rizal Abu Bakar yang sentiasa memberi kata-kata semangat, doa dan nasihat dalam menyiapkan tesis ini. Turut diberi penghargaan buat ayahanda dan bonda tercinta atas doa restu dan dorongan yang diberikan. Begitu juga terima kasih diucapkan kepada semua ahli keluarga yang mendoakan dan menyokong perjuangan ini. Tidak lupa sahabat-sahabat seperjuangan di ISDEV, USM yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam mendoakan, memberi kata-kata semangat, tunjuk ajar dan mencadangkan idea yang bernas. Kesabaran kalian mendoakan kejayaan ini amat disanjung dan dihargai. Semoga segala jasa baik semua yang terlibat diberi ganjaran yang sebaiknya oleh Allah SWT. Harapan penyelidik semoga usaha yang dilakukan bagi menyiapkan tesis ini dinilai sebagai satu ibadah oleh Allah SWT dan memberi sumbangan yang berguna kepada masyarakat umumnya.

Syaidatana Siti Aishah Ab Aziz

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
PANDUAN TRANSLITERASI	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2.1 Sejarah Perkembangan Perbandaran Dunia	2
1.2.1(a) Perkembangan Bandar Dalam Al-Qur'an	3
1.2.1(b) Perkembangan Bandar Dalam Islam	5
1.2.1(c) Perkembangan Bandar Moden	7
1.2.2 Perbandaran Lestari.....	10
1.2.3 Kota Bharu, Kelantan Sebagai Bandar Raya Islam	14
1.3 Pernyataan Masalah	18
1.4 Objektif Kajian.....	22
1.5 Persoalan Kajian.....	23
1.6 Definisi Operasional.....	24
1.6.1 Perbandaran.....	24
1.6.2 Perbandaran Lestari Islam.....	25

1.7	Skop Dan Batasan Kajian.....	28
1.8	Kepentingan Kajian.....	29
1.9	Sumbangan Kajian	30
1.10	Organisasi Tesis	31
BAB 2	KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA	33
2.1	Pendahuluan	33
2.2	Kajian-Kajian Lepas.....	33
2.2.1	Corak dan Proses Perbandaran.....	33
2.2.2	Isu-isu Perbandaran	37
2.2.3	Perbandaran Lestari.....	44
2.2.4	Perbandaran Islam	49
2.2.5	Bandar Islam	51
2.2.6	Perbandaran Lestari Islam.....	54
2.2.7	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam	56
2.3	Analisis Kajian Lepas	60
2.4	Sorotan Karya.....	62
2.4.1	Teori Perbandaran	62
2.4.2	Konsep Bandar	65
2.4.3	Kesan Perbandaran.....	73
2.4.4	Konsep Perbandaran Lestari	77
2.4.5	Konsep Pembangunan Lestari Islam	81
2.4.6	Konsep Perbandaran Islam.....	82
2.5	Analisis Sorotan Karya	87
2.6	Kerangka Konseptual	89
2.7	Kesimpulan	91
BAB 3	KAEDAH PENYELIDIKAN.....	92
3.1	Pendahuluan	92

3.2	Reka Bentuk Kajian	93
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	94
3.3.1	Sumber Utama.....	97
3.3.2	Data Sekunder	99
3.3.3	Data Primer	101
3.3.3(a)	Instrumen Kajian	102
3.3.3(b)	Sampel Kajian	103
3.3.3(c)	Justifikasi Pemilihan MPKB-BRI.....	104
3.3.3(d)	Pemilihan Informan.....	107
3.3.3(e)	Proses Pengumpulan Data.....	111
3.3.4	Kesahan dan Keboleh Percayaan Data.....	116
3.3.4(a)	Triangulasi.....	117
3.3.4(b)	Pengesahan Pakar	118
3.4	Kaedah Penganalisisan Data	119
3.5	Tatacara Penyelidikan	121
3.6	Kesimpulan	123
BAB 4	PERBANDARAN LESTARI ISLAM.....	124
4.1	Pendahuluan	124
4.2	Ciri-Ciri Perbandaran Lestari Islam.....	124
4.2.1	Ciri Kerohanian.....	145
4.2.2	Ciri Bukan Fizikal	153
4.2.3	Ciri Fizikal	158
4.3	Prinsip Perbandaran Lestari Islam	163
4.4	Kesimpulan	180
BAB 5	ANALISIS PERBANDARAN MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM (MPKB-BRI) BERDASARKAN PERBANDARAN LESTARI ISLAM.....	182
5.1	Pendahuluan	182

5.2	Perbandaran di MPKB-BRI	183
5.2.1	Latar Belakang MPKB-BRI.....	183
5.2.2	Falsafah MPKB-BRI.....	188
5.2.3	Kepentingan Perbandaran Lestari Islam oleh MPKB-BRI	191
5.3	Analisis Perbandaran Di MPKB-BRI Berdasarkan Perbandaran Lestari Islam.....	193
5.3.1	Pelaksanaan Prinsip 5K di MPKB-BRI	193
5.3.1(a)	Prinsip Keilmuan di MPKB-BRI	202
5.3.1(b)	Prinsip Kepatuhan di MPKB-BRI.....	208
5.3.1(c)	Prinsip Kebajikan di MPKB-BRI.....	217
5.3.1(d)	Prinsip Kebersihan di MPKB-BRI.....	223
5.3.1(e)	Prinsip Kesejahteraan di MPKB-BRI	230
5.4	Rumusan Perbandaran Lestari Islam di MPKB-BRI.....	235
5.4.1	Cabaran Pembangunan Perbandaran di MPKB-BRI	236
5.4.2	Potensi MPKB-BRI Untuk Perbandaran Lestari Islam.....	240
5.4	Perbandaran Lestari Islam di MPKB-BRI	244
5.5	Kesimpulan	245
BAB 6	RUMUSAN DAN PENUTUP.....	246
6.1	Pendahuluan	246
6.2	Rumusan Dapatan Utama Kajian.....	246
6.3	Implikasi Kajian dan Cadangan Dasar.....	254
6.3.1	Implikasi Terhadap Bidang Ilmu	255
6.3.2	Implikasi Terhadap Pembuat Dasar	255
6.3.3	Implikasi Terhadap Pelaksana Dasar	256
6.3.4	Implikasi Terhadap Pihak Berkuasa Tempatan.....	256
6.3.5	Implikasi Terhadap Masyarakat.....	257
6.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	257
6.4.1	Fokus Terhadap Subjek Kajian	258

6.4.2	Fokus Terhadap Sampel Kajian	258
6.4.3	Fokus Terhadap Skop Kajian	259
6.5	Kesimpulan	259
RUJUKAN		261
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Kota-kota Dalam al-Qur'an..... 3
Jadual 1.2	Hubung Kait Objektif dengan Persoalan Kajian 23
Jadual 2.1	Definisi Rasmi Bandar di Beberapa Negara Terpilih 69
Jadual 3.1	Senarai Informan Ahli Akademik 108
Jadual 3.2	Senarai Informan Pelaksana MPKB-BRI..... 109
Jadual 3.3	Senarai Informan Untuk Kajian Rintis..... 112
Jadual 3.4	Perubahan Soalan Kajian Rintis..... 113
Jadual 3.5	Pengguguran Soalan Kajian Rintis..... 113
Jadual 3.6	Penambahbaikan Soalan Kajian Rintis 114
Jadual 3.7	Pembentukan Soalan Baru 114
Jadual 3.8	Senarai Informan Untuk Pengesahan Pakar..... 119
Jadual 3.9	Ringkasan Kaedah Analisis Data Mengikut Objektif dan Persoalan Kajian..... 121
Jadual 4.1	Tafsiran Bandar Dalam Al-Qur'an Dengan Istilah <i>Balad</i> 126
Jadual 4.2	Tafsiran Bandar Dalam Al-Qur'an Dengan Istilah <i>Qaryat</i> 133
Jadual 4.3	Tafsiran Bandar Dalam Al-Qur'an Dengan Istilah <i>Madinah</i> 139
Jadual 4.4	Ciri Keseluruhan Bandar Yang Baik 142
Jadual 4.5	Senarai Ciri Bandar yang Baik..... 144
Jadual 4.6	Kategori Tauhid dan Maksudnya 147
Jadual 5.1	Kepentingan Perbandaran Islam oleh MPKB-BRI 192
Jadual 5.2	Program Pembangunan MPKB-BRI 195
Jadual 5.3	Pelaksanaan Prinsip Kepatuhan di MPKB-BRI..... 209
Jadual 5.4	Cabaran Perbandaran di MPKB-BRI..... 237
Jadual 6.1	Dapatan Kepada Objektif Dan Persoalan Kajian 248

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian 90
Rajah 3.1	Proses Pengumpulan Data..... 96
Rajah 3.2	Proses Pengumpulan Data daripada Sumber Utama..... 99
Rajah 3.3	Tatacara Penyelidikan 122
Rajah 4.1	Pihak yang Terlibat Dalam Perbandaran Lestari Islam 163
Rajah 4.2	Perbandaran Lestari Islam..... 180
Rajah 5.1	Proses Pembentukan Perbandaran di Kota Bharu..... 184
Rajah 5.2	Pelaksanaan 5K Dalam Aspek Pembangunan Perbandaran MPKB- BRI..... 194

SENARAI SINGKATAN

a.s	<i>Alaihissalam</i>
AIDS	<i>Acquired Immune Deficiency Syndrome</i> (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit)
APFED	Asia-Pasific Forum of Environmentsl Development (Forum Pembangunan Alam Sekitar Asia Pasifik)
BRI	Bandar Raya Islam
DCG	<i>Deliberative Collaborative Governance</i> (Majlis Perundingan Kerjasama Tadbir Urus)
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPPS	Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejangat
H	Hijrah
HIV	<i>Human Immunodeficiency Virus</i> (Virus yang menyebabkan AIDS)
ICT	<i>Information and Communication Technology</i> (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)
ISDEV	<i>Islamic Development Management</i> (Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam)
JPBD	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
KIK	Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif
M	Masihi
MPKB-BRI	Majlis Perbandaran Kota Bharu, Bandar Raya Islam
Mps	<i>Managed Portal Services</i> Portal Perkhidmatan Pengurusan
MURNInets	<i>Malaysian Urban Indicators Network</i>
NGO	<i>Non-governmental Organization</i> (Pertubuhan Bukan Kerajaan)
OIC	<i>Organisation of Islamic Cooperation</i> (Pertubuhan Kerjasama Islam)

OECD	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i> (Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan)
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PLK	Pelaksana
PLI	Perbandaran Lestari Islam
RTJ	Rancangan Tempatan Jajahan
SAFE	<i>Sustainability Assessment by Fuzzy Evaluation</i> (Penilaian Kelestarian Menggunakan Penilaian Fuzzy)
SAW	<i>Salla Allah 'alayh wa Sallam</i>
SCI	<i>Sustainable Cities Index</i> (Indeks Kelestarian Bandar)
SDG'S	<i>Sustainable Development Goals</i> (Matlamat Pembangunan Lestari)
SM	Sebelum Masihi
SWT	<i>Subhanahu Wa ta'ala</i>
UNCED	<i>United Nations Conference on Environment and Development</i> (Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu Tentang Pembangunan Alam Sekitar)
UN DESA	<i>United Nations Department of Economic and Social Affairs</i> (Jabatan Hal Ehwal Ekonomi Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu)
UNDP	<i>United Nations Development Programme</i> (Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu)
UN-HABITAT	<i>United Nations Human Settlement Programme</i> (Program Bangsa-bangsa Bersatu untuk Tempat Tinggal Manusia)
USM	Universiti Sains Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	Soalan Temu Bual
Lampiran 2	Elemen Perbandaran Lestari Islam Berdasarkan Cendiakawan Islam
Lampiran 3	Pelaksanaan Pembangunan Pengurusan Oleh MPKB-BRI
Lampiran 4	Pelaksanaan Pembangunan Insan Oleh MPKB-BRI
Lampiran 5	Pelaksanaan Pembangunan Ekonomi Oleh MPKB-BRI
Lampiran 6	Pelaksanaan Pembangunan Fizikal Bagi Sistem Pengangkutan
Lampiran 7	Pelaksanaan Pembangunan Fizikal Bagi Infrastruktur Dan Utiliti
Lampiran 8	Pelaksanaan Pembangunan Fizikal Bagi Pelancongan Dan Warisan Budaya
Lampiran 9	Pelaksanaan Pembangunan Fizikal Bagi Kemudahan Awam Dan Perkhidmatan Masyarakat
Lampiran 10	Pelaksanaan Pembangunan Fizikal Bagi Pengindahan Kawasan
Lampiran 11	Pelaksanaan Pembangunan Fizikal Bagi Persekitaran Perumahan Dan Kejiranan

**PERBANDARAN LESTARI ISLAM: KAJIAN DI MAJLIS PERBANDARAN
KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM (MPKB-BRI), KELANTAN**

ABSTRAK

Perbandaran penting sebagai proses pembangunan kawasan bandar khususnya dari segi perkembangan ekonomi dan infrastruktur. Perbandaran menyebabkan berlaku tumpuan terhadap kawasan bandar yang seterusnya memberi implikasi positif dan negatif termasuk kesan ke atas ekonomi, sosial dan alam sekitar. Implikasi positif membolehkan pelbagai kemudahan disediakan dan implikasi negatif menyebabkan berlaku pencemaran, pengangguran dan kemiskinan. Ekoran daripada kesan negatif yang berlaku, perbandaran yang lestari dicadangkan sebagai satu solusi bagi memastikan perbandaran dapat dilaksanakan tanpa mengabaikan keperluan generasi kini dan akan datang. Namun, cadangan perbandaran lestari dikesan berhadapan dengan kelompongan pada nilai keagamaan dan spiritual. Justeru, perbandaran lestari Islam dilihat penting bagi memastikan pembangunan bandar yang menyeluruh serta seimbang antara pembangunan fizikal dan spiritual. Persoalannya, apakah perbandaran lestari Islam ini? Bagaimanakah perbandaran lestari Islam dapat dilaksanakan? Di Malaysia, satu-satunya majlis perbandaran yang mengiktiraf dirinya sebagai pentadbir bandar raya Islam ialah Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI). Justeru, konsep perbandaran Islam itu sendiri melibatkan pelaksanaan pembangunan yang bercirikan sejahtera dan tidak merosakkan. Secara tidak langsung pembangunan Islam yang dilaksanakan merupakan pembangunan lestari yang bersifat berterusan. Persoalannya, bagaimanakah kebolehlaksanaan perbandaran lestari Islam di MPKB-BRI? Bagi menjawab persoalan-persoalan di atas, tiga objektif dikemukakan. Pertama,

mengenal pasti perbandaran lestari Islam. Kedua, menganalisis perbandaran di MPKB-BRI dalam mencapai perbandaran lestari Islam. Ketiga, merumuskan kebolehlaksanaan perbandaran lestari Islam di MPKB-BRI. Melalui reka bentuk kualitatif asas yang melibatkan pengumpulan data menerusi temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen mendapati perbandaran lestari Islam mempunyai tiga ciri utama iaitu ciri kerohanian, ciri bukan fizikal dan ciri fizikal. Hasil penemuan ciri perbandaran lestari Islam membolehkan sembilan prinsip perbandaran lestari Islam disenaraikan yang terdiri daripada prinsip kerohanian, kepimpinan, kasih sayang, keadilan, kebajikan, keilmuan, kesejahteraan, kebersihan dan keindahan serta ketersampaian kemudahan. MPKB-BRI didapati menekankan lima prinsip utama iaitu prinsip keilmuan, kepatuhan, kebajikan, kebersihan dan kesejahteraan. Kesemua prinsip ini diterapkan dalam empat aspek pembangunan MPKB-BRI iaitu pembangunan pengurusan, insan, ekonomi dan fizikal. Hasil kajian ini memberi implikasi bahawa perbandaran lestari Islam dilihat mempunyai kebolehlaksanaan sama ada dalam perancangan mahupun pelaksanaan di MPKB-BRI. Namun, masih terdapat cabaran yang perlu diatasi bagi melaksanakan perbandaran lestari Islam secara menyeluruh dan komprehensif. Pelaksanaan perbandaran lestari Islam yang optimum memerlukan kerjasama kolektif antara MPKB-BRI serta masyarakat bandar yang menghuni kawasan tersebut.

**ISLAMIC SUSTAINABLE URBANIZATION: STUDIES OF KOTA BHARU
MUNICIPAL COUNCIL ISLAMIC CITY (MPKB-BRI), KELANTAN**

ABSTRACT

Urbanisation is important as an urban development process, especially in terms of economic and infrastructure development. It results in a focus on urban areas which, in turn, contributes to positive and negative implications, including economic, social and environmental impacts. On top of that, the positive implications enable various facilities to be provided while, on the other hand, the negative implications lead to pollution, unemployment and poverty. As a result of the negative effects, sustainable urbanisation is proposed as a solution to ensure that urbanisation can be implemented without neglecting the needs of current and future generations. The proposal for sustainable urbanisation, however, was found to face a gap in religious and spiritual values. Therefore, Islamic sustainable urbanisation is seen as important in ensuring a comprehensive urban development and a balance between physical and spiritual development. The question is, what is Islamic sustainable urbanisation? How can Islamic sustainable urbanisation be implemented? In Malaysia, the only municipal council that recognises itself as an Islamic city administrator is the Kota Bharu Islamic City Municipal Council (MPKB-BRI). Thus, the concept of the Islamic urbanisation itself involves the implementation of a prosperous and non-destructive development. The Islamic urbanisation that is implemented implicitly involves sustainable development that is continuous in nature. Another question arises as to how feasible is the Islamic sustainable urbanisation in the MPKB-BRI? To answer the above questions, three objectives are formulated. First, to identify the Islamic sustainable urbanisation.

Second, to analyse the urbanisation in MPKB-BRI in achieving Islamic sustainable urbanisation and third, to summarize the feasibility of Islamic sustainable urbanisation in MPKB-BRI. By employing the design of a basic qualitative study involving data collection through semi-structured interviews and document analysis, it is found that the Islamic sustainable urbanisation has three main characteristics, namely spiritual characteristics, non-physical characteristics and physical characteristics. The findings of the characteristics of Islamic sustainable urbanisation facilitate the enlistment of nine principles of Islamic sustainable urbanisation, consisting of the principles of spirituality, leadership, love, justice, welfare, knowledge, well-being, cleanliness and magnificence, as well as accessibility of facilities. Moreover, MPKB-BRI has been identified to emphasize five key principles, including the principles of knowledge, compliance, welfare, hygiene and well-being. All of these principles are applied to four aspects of MPKB-BRI development, which are management, human, economic and physical development. The results of this study show that Islamic sustainable urbanisation are seen to be feasible either in the planning or implementation of MPKB-BRI. However, there are still challenges that need to be overcome to implement Islamic sustainable urbanisation in a holistic and comprehensive manner. The optimal implementation of a sustainable Islamic urbanisation requires collective cooperation between MPKB-BRI and the urban community in the area.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini umumnya bertujuan mengkaji tentang perbandaran lestari Islam (PLI). Secara lebih khusus, kajian berbentuk kajian kualitatif asas ini berhasrat untuk mengenal pasti PLI. PLI yang dikemukakan kemudiannya digunakan untuk menganalisis perbandaran di Majlis Perbandaran Kota Bharu, Bandar Raya Islam (MPKB-BRI). Analisis ini seterusnya dibentuk sebagai alat analisis untuk merumuskan PLI di Majlis Perbandaran Kota Bharu, Bandar Raya Islam (MPKB-BRI).

Sebelum mengkaji dengan lebih mendalam, bab pertama tesis ini terlebih dahulu membincangkan tentang latar belakang kajian ini. Perbincangan disusuli dengan mengemukakan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan, kepentingan serta sumbangan kajian. Bab ini diakhiri dengan organisasi tesis.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahagian latar belakang ini mengemukakan perbincangan berkaitan perkembangan perbandaran dunia dan isu-isu yang berkaitan perbandaran. Isu-isu perbandaran membawa kepada pelaksanaan perbandaran lestari. Perbandaran lestari turut dilihat dalam konteks perbandaran Islam. Dalam kajian ini perbandaran Islam difokuskan di institusi MPKB-BRI. Perbincangan dalam latar belakang ini kemudiannya menjurus kepada isu berkaitan perbandaran khususnya di MPKB-BRI dan seterusnya membawa kepada pernyataan masalah.

1.2.1 Sejarah Perkembangan Perbandaran Dunia

Perbandaran merupakan satu aspek kepada alat pembangunan. Taraf perbandaran dijadikan ukuran bagi menentukan taraf pembangunan sesebuah negara (Sulong Mohamad, 1983:28). Pembangunan merujuk kepada perubahan institusi sosial, struktur pentadbiran, adat resam dan kepercayaan (Todaro, 1977). Walaupun istilah pembangunan itu lebih luas berbanding perbandaran, namun kedua-duanya saling bergantung dan mempunyai matlamat yang sama. Matlamatnya untuk mencapai ketamadunan dan kemajuan sesuatu bangsa atau negara (Hasan Baharom, 2006; Ahmad Zaki Abd Latiff, 1997). Kedua-dua proses pembangunan dan perbandaran bertindak saling melengkapi dalam mencapai pertumbuhan ekonomi, pusat inovasi dan sosial (Katiman Rostam, 1983; Sulong Mohamad, 1985; UN-Habitat, 2020) seterusnya memberi kesan yang jelas terhadap ruang sesebuah negara (UN-Habitat, 2002). Keadaan ini disebabkan berlaku pemusatan penduduk di bandar akibat daripada proses perbandaran (Eldridge, 1942).

Pertumbuhan penduduk berkait rapat dengan peningkatan secara beransur-ansur kadar perbandaran (UN-Habitat, 2020). Selain itu, proses perbandaran juga dikenali sebagai pertumbuhan dalam konteks penduduk desa (Davis, 1965). Dengan kata lain, perbandaran merujuk kepada proses dua fasa melibatkan, pertamanya, pergerakan manusia dari luar bandar ke kawasan bandar dengan melibatkan diri dalam pekerjaan. Kedua, perubahan dalam gaya hidup mereka dari luar bandar ke bandar dengan nilai-nilai yang berkaitan dengannya, sikap dan tingkah laku (Brunn & Williams, 1983). Sistem bandar merupakan suatu yang kompleks kerana setiap komponennya berkait rapat antara bandar dan luar bandar (Norizam Lagiman, 2015).

Menurut Friedman (1973), terdapat tiga perbezaan fungsi bandar dan luar bandar. Pertama, sebagai tempat untuk menyalurkan idea-idea pembangunan ke kawasan luar bandar, kedua bandar sebagai agen perubahan dan ketiga bandar menjadi pusat pergantungan bagi kawasan-kawasan lain daripada segi pembangunan. Perkembangan bandar bermula daripada sebelum masihi dan selepas masihi yang melibatkan kota-kota purba seperti yang dibincangkan dalam subtopik seterusnya. Justeru, selain istilah bandar, bahagian seterusnya turut menggunakan istilah kota.

1.2.1(a) Perkembangan Bandar Dalam Al-Qur'an

Kota-kota dinyatakan dalam al-Qur'an seiring dengan nabi yang diutuskan untuk berdakwah kepada masyarakat atau kaum yang menghuni kota tersebut. Maklumat berhubung kota-kota yang dinyatakan ini ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Kota-kota Dalam al-Qur'an

Kota	Tahun SM	Kaum	Nabi	Ciri
Iram	2 400-1000	'Aad	Hud a.s	<ul style="list-style-type: none"> • Perniagaan • Membina bangunan yang tinggi
Hijr	2 300-200	Tsamud	Saleh a.s	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai kemahiran yang tinggi • Berteknologi • Pengetahuan yang luas • Berkeupayaan mendirikan istana yang indah
Sodom	1 800	Sodom	Luth a.s	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti yang tidak bermoral
Aikah	1600-1500	Madyan	Syuaib a.s	<ul style="list-style-type: none"> • Perdagangan dan perniagaan • Peradaban dan kemajuan
Saba'	750-115	Saba'	Sulaiman a.s	<ul style="list-style-type: none"> • Pertanian • Daerah yang subur • Kelancaran pengangkutan

Sumber: M. Suyanto (2008:13); Fauzi Saleh (2012); Ridwan, (2018); Gayatri Ida Susanti (2015: 228); (Isti Faizah (2017)

Jadual 1.1 menunjukkan kota yang dinyatakan dalam al-Qur'an mengenai kisahnya. Ciri sepunya antara lima kaum iaitu 'Aad, Tsamud, Sodom, Madyan dan Saba' memiliki teknologi maju, sumber ekonomi yang kukuh, berpengetahuan luas dan berkemahiran tinggi. Kesemua ciri ini menunjukkan kaum-kaum dan kota-kota terdahulu mempunyai peradaban dan tamadun yang maju. Ketinggian tamadun kota-kota yang disebut dalam al-Qur'an menunjukkan wujudnya kelestarian dalam pembangunan bandar tersebut. Namun, al-Qur'an turut mengemukakan tentang kaum Sodom iaitu kaum Nabi Luth a.s. Allah SWT mengutus Nabi Luth untuk berdakwah risalah tauhid kepada kaumnya yang melakukan perbuatan tidak bermoral (Gayatri Ida Susanti, 2015). Berdasarkan keruntuhan akhlak yang dilakukan oleh kaum Sodom menunjukkan ketidaklestarian pembangunan sosial dalam pembangunan bandar pada zaman tersebut.

Dalam al-Qur'an turut menceritakan kisah Nabi Yusuf a.s dan isteri al-Aziz iaitu isteri kepada pembesar yang diperkatakan dan tersebar di kota Mesir¹ (Khalimatus Sa'adah, 2017). Kota Mesir tersebut berkemungkinan wujud sebelum dalam lingkungan 1715 SM kerana Nabi Yusuf a.s telah diangkat menjadi menteri pada ketika itu. Beliau berdakwah di wilayah Kan'an dan Hykos yang terletak di Mesir (Ghazali Darussalam, 2014).

Dalam al-Qur'an turut menyatakan berkenaan kota Makkah. Menurut Zaydan (1981) yang dipetik daripada Salamah Salih Sulayman Aladie (1991), memandangkan tiada sumber yang jelas berkaitan maklumat sejarah kota Makkah menyebabkan sangat sukar untuk menentukan tarikh kewujudannya. Walau

¹ Dan (sesudah itu) perempuan-perempuan di bandar Mesir (mencaci hal Zulaikha dengan) berkata: Isteri Al-Aziz itu memujuk hambanya (Yusuf) berkehendakkan dirinya, sesungguhnya cintanya (kepada Yusuf) itu sudahlah meresap ke dalam lipatan hatinya; sesungguhnya kami memandangnya berada dalam kesesatan yang nyata" (Surah Yusuf, 12:30).

bagaimanapun, kewujudan kota Makkah mungkin berlaku beribu-ribu tahun dahulu dari zaman Nabi Ibrahim a.s hingga Nabi Ismail a.s iaitu pada abad ke-19 SM. Makkah dianggap sebagai pusat bandar dan merupakan salah satu pusat perdagangan (Morris, 1994: 26; Isakhan, Kerim, Adilbayev, Adilbayeva, Suleimenov & Satybaldieva, 2014).

1.2.1(b) Perkembangan Bandar Dalam Islam

Tamadun Islam turut berkembang pesat bermula dengan perkembangan dakwah di kota Makkah. Dakwah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW di Makkah sebagai pusat peradaban bangsa Arab sebelum Islam (Alif Maulana Zaenal Ma'arif, 2019). Makkah disebut sebagai *ummul qurā* iaitu ibu segala tempat dimuka bumi (Zuhairi Misrawi, 2009). Dalam bidang ekonomi, Makkah menjadi daerah perdagangan (Irma Riyani, 2016). Pembukaan Kota Makkah menunjukkan terdapat beberapa hikmah iaitu agama Islam sebagai agama penyebar kemakmuran dan penyumbang kepada keharmonian negara tanpa mengambil kira hubungan kaum, bangsa, agama dan budaya (Mohd Muhiden Abd Rahman, Mohd Bakhit Ali & Muhd Sufillah Mohd Soyong, 2017).

Nabi Muhammad SAW telah berdakwah di kota Makkah selama tiga belas tahun lamanya. Akibat gangguan dan ancaman daripada kafir Quraisy, masyarakat Islam terpaksa mencari jalan keluar berhijrah ke kawasan lain (Mahayuddin Yahaya, 1985:133). Sehubungan dengan itu, penghijrahan ke kota Madinah menjadikannya kota terpenting dalam kerajaan Islam yang boleh dijadikan rujukan terutamanya dalam pembangunan perbandaran Islam moden (Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi & Rosdan Abdul Manan, 2001:27).

Pembukaan bandar Madinah (Yathrib)² telah diasaskan oleh Nabi Muhammad SAW setelah baginda berhijrah ke Madinah pada tahun 622 masihi. Bandar Madinah diasaskan dan disempurnakan pembangunannya selama 23 tahun. Kota tersebut menjadi benteng utama pertahanan Islam dalam menghadapi ancaman musuh. Kota Madinah dikenali sebagai bandar Islam yang aman, adil, sejahtera dan masyarakat majmuk yang bertoleransi (Ummu Salamah Ali, 2017). Kehebatan kota Makkah dan kota Madinah yang mampu bertahan sehingga kini menunjukkan kedua-dua kota ini bersifat lestari dan mampu menyebarkan agama Islam dan berkembang kepada kota-kota Islam yang lain.

Selepas itu muncul beberapa buah kota Islam lain yang menjadi penyumbang kepada kedudukan kerajaan pada ketika itu. Menurut Beg (t.t) yang dipetik daripada Ahmad Zaki Abd. Latiff (2011:81), bandar-bandar utama Islam seperti Damsyik, Basrah, Kufah, Fustat, dan Baghdad menjadi pusat perdagangan dan kegiatan dakwah. Menurut Khalid El-Awaisi (2015), kota Damsyik yang berada di bawah kekuasaan Byzantine menjadi kota perdagangan yang menghubungkan timur dan barat. Kota ini jatuh ke tangan Islam pada tahun 635 M. Kota Basrah pula terletak di selatan Iraq dan diasaskan oleh 'Uthbah bin Ghazwan pada tahun 638 M.

Selepas itu, muncul kota Baghdad di bawah kerajaan Abbasiyyah. Menurut Al-Khatib al-Baghdadi (t.t) yang dipetik daripada Ahmad Zaki Abd. Latiff (2011:97), kota Baghdad diasaskan oleh Abu Ja'far al-Mansur pada tahun 762 M. Kerajaan Abbasiyyah telah menjadikan Baghdad sebagai pusat peradaban Islam yang melahirkan pelbagai

² Kota Yathrib adalah kota yang ditukar namanya kepada kota Madinah iaitu lebih tepat lagi kota al-madinatul nabi yang bermaksud kota raya nabi. Kota Yathrib ditukar namanya setelah Rasulullah SAW berhijrah dan bermaustautin di kota tersebut. Gelaran al-Madinah diberikan kerana di situlah *din* (agama) bermula dan di situ juga umat Islam mengikuti ajaran Islam yang di bawa oleh Rasulullah SAW (Syed Muhammad a-Naquib al-Attas, 1976: 7).

perkembangan intelektual (Hitti, 2002). Baghdad terletak diantara sungai Tigris dan Eufrat serta memiliki tanah yang subur. Lokasi Baghdad juga berada di jalur perdagangan (Maslikhatin, 2018). Kehancuran kota Baghdad pada tahun 1258 M ke atas bangsa Mongol mengakhiri khalifah Abbasiyah. Berlaku kemunduran politik dan peradaban Islam sebagai pusat kebudayaan dan peradaban ilmu pengetahuan (Desi Fitrianiingsih, 2015).

Hasil daripada perbincangan berkaitan perkembangan kota purba, dapat disimpulkan bahawa kota purba berfungsi sebagai pusat pengeluaran dan pengedaran, pentadbiran, politik, keagamaan, ketenteraan dan institusi ekonomi. Pertambahan penduduk dan kewujudan kota-kota purba ini seiring dengan fungsi kota tersebut yang menjadi tempat pengedaran dan pengagihan produk. Fungsi kota atau bandar dalam pelbagai sektor dan bidang membolehkan sesebuah bandar tersebut berkembang secara lestari dan menyeluruh meliputi kesemua aspek termasuk pembangunan spiritual dan fizikal. Selain perkembangan bandar yang berlaku semasa era Islam, bandar juga telah berkembang di Barat yang disebabkan oleh revolusi industri.

1.2.1(c) Perkembangan Bandar Moden

Dalam sejarah moden, perkembangan proses perbandaran bermula di Eropah kesan daripada revolusi industri. Pada tahun 1850, United Kingdom merupakan negara pertama yang mengalami revolusi industri diikuti dengan Amerika Syarikat pada tahun 1900. Proses perbandaran semakin pesat berlaku di seluruh dunia seiring dengan perubahan penduduk yang asalnya lebih ramai di luar bandar kepada majoriti penduduk bandar (Palen, 2002:17). Dengan kata lain, pertambahan penduduk pada zaman peralihan industri berlaku akibat daripada migrasi penduduk dari luar bandar ke bandar (Davis, 1969).

Berikutan pelbagai penemuan ke arah peningkatan kemajuan dalam bidang pertanian, telah terhasil revolusi industri dan revolusi masyarakat di Perancis, Jerman, England dan kemudiannya di Amerika Syarikat (Yahaya Ibrahim, 1995:35). Proses perbandaran yang berlaku ini bukan sahaja akibat kemajuan teknologi dalam bidang pertanian dan perindustrian, malah mengakibatkan berlaku perubahan masyarakat yang dicetuskan oleh revolusi yang berlaku (Rahimah A. Aziz, 1989). Revolusi industri telah menyebabkan berlaku perkembangan sektor bandar dengan pesat terutamanya dalam sektor ekonomi. Kewujudan sektor industri di bandar telah menyebabkan perubahan dalam aspek sosiologi, struktur, pola dan persekitaran bandar. Revolusi industri telah mejadikan berlaku perkembangan sektor sedia ada dan penambahan sektor-sektor baharu (Abdul Razak Shahbudin, 2003).

Selepas tahun 1800, proses perbandaran menjadi lebih pesat di Eropah dan Amerika Syarikat kerana wujudnya lebih hasil pertanian, sistem pengangkutan yang lebih baik, kestabilan politik dan perkembangan perusahaan yang menggunakan jentera. Sumber manusia yang lebih ramai diperlukan untuk industri pengeluaran perusahaan sehingga mengakibatkan berlakunya pertumbuhan penduduk di kawasan bandar (Raja Mohd Affandi, 1977:11). Sekitar tahun 1800 mungkin hanya tiga peratus daripada penduduk dunia tinggal di kawasan bandar iaitu 5000 orang atau lebih (Clark, 1998:85). Walau bagaimanapun pada tahun 1900 jumlah penduduk meningkat kepada lebih 13 peratus. Pada tahun 1950 pula meningkat kepada 27 peratus (Davis, 1965;1969), manakala pada tahun 1980 peratusan itu terus meningkat kepada lebih 40 peratus (Brunn, Williams & Darden, 1983:3). Secara tidak langsung revolusi industri memberi kesan yang positif kepada perkembangan bandar yang pesat.

Peningkatan peratus dan bilangan penduduk bandar ini berkait rapat dengan pelbagai potensi yang terdapat pada bandar itu sendiri seiring dengan pertambahan jumlah bandar yang meningkat. Pemilihan kawasan bandar sebagai tempat tinggal membolehkan manusia memenuhi cita-cita dan keperluan material bagi kehidupan yang lebih selesa, mendapatkan kepuasan dan kebahagiaan serta meningkatkan prospek individu untuk mencapai kesejahteraan. Bandar juga dikatakan mempunyai kuasa untuk mencapai inovasi, menjana kekayaan dan meningkatkan kualiti hidup (UN-Habitat, 2012:10).

Seperti negara-negara lain di dunia, Malaysia tidak terkecuali mengalami proses perbandaran. Proses perbandaran yang pesat telah menyebabkan berlaku perubahan terhadap masyarakat Malaysia. Isu perbandaran sering dikaitkan dengan faktor penghijrahan masyarakat desa ke bandar terutamanya selepas kerajaan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 (Zakiyah Jamaluddin, 2003:43). Pertumbuhan masyarakat bandar dan perbandaran yang pesat di Malaysia telah menyebabkan berlaku masalah-masalah seperti masalah ekonomi, sosial dan alam sekitar. Masalah ekonomi melibatkan pengangguran dan kemiskinan bandar. Masalah sosial pula seperti jenayah dan kesesakan lalu lintas. Masalah alam sekitar melibatkan hakisan tanah, banjir kilat, pencemaran air dan pencemaran udara (Sulong Mohamad, 1983).

Oleh yang demikian, aspek alam sekitar, sosial dan ekonomi menjadi semakin penting pada masa ini dalam mempengaruhi perkembangan bandar. Bagi memastikan aspek tersebut dibangunkan dengan sebaiknya, pembangunan lestari yang menekankan antara manusia dengan persekitaran semakin giat dilaksanakan di bandar-bandar (Norhaslina Hassan, 2006).

1.2.2 Perbandaran Lestari

Konsep pembangunan bandar lestari mula dibincangkan dalam konteks pembangunan bandar secara meluas sekitar tahun 1990-an walaupun sebenarnya konsep pembangunan lestari itu sendiri telah lama diperkenalkan. Konsep pembangunan lestari dikatakan dipelopori oleh Suruhanjaya Antarabangsa bagi Alam Sekitar dan Pembangunan yang ditubuhkan oleh United Nations. Melalui laporan bertajuk “*Our Common Future*”, yang dikenali sebagai Laporan Bruntland, pembangunan lestari didefinisikan sebagai pembangunan yang memenuhi keperluan masa ini tanpa menjejaskan keupayaan untuk generasi akan datang bagi memenuhi keperluan mereka (United Nations, 1987).

Pada 1 Januari 2016, 17 matlamat pembangunan lestari (*Sustainable Development Goals*, SDGs) dikemukakan secara rasmi oleh PBB. Matlamat yang mempunyai 169 sasaran yang memberi tumpuan kepada tiga dimensi utama iaitu pertumbuhan ekonomi, penyertaan sosial dan perlindungan alam sekitar³. Antara 17 matlamat SDGs itu ialah tiada kemiskinan, sifar kelaparan, kesihatan yang baik, pendidikan berkualiti, bekalan air bersih dan sanitasi, bandar dan komuniti lestari serta penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab. Agenda 2030 telah menetapkan 17 matlamat pembangunan lestari dengan memberi penekanan kepada tindakan ke arah pembangunan lestari yang komprehensif (United Nations, 2016). Semasa mesyuarat persediaan bagi Persidangan URBAN21 di Berlin pada tahun 2000, matlamat pembangunan bandar lestari telah diketengahkan. Matlamat pembangunan

³ Ketiga-tiga dimensi ini ditekankan kerana perbandaran mempunyai keupayaan untuk mengubah corak sosial dan ekonomi negara. Bandar bertanggungjawab untuk sebahagian besar pengeluaran dan penggunaan di seluruh dunia serta merupakan enjin utama pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Di bandar juga banyak berlaku kemusnahan alam sekitar dengan satu bilion orang yang tinggal di kawasan setinggan dan menunjukkan berlaku ketidaksamaan pembangunan yang ketara (Sustainable Development Solutions Network, 2013).

bandar lestari menekankan prinsip keseimbangan bahan dan tenaga serta input atau output kewangan. Kesemua ini memainkan peranan penting dalam setiap keputusan akan datang bagi pembangunan kawasan bandar (Ratajczak, 2016).

Pembangunan bandar juga meliputi alam sekitar dan fizikal perlu di ambil kira. Dari segi alam sekitar dan fizikal, bandar lestari merupakan konsep yang menggabungkan beberapa aspek yang penting dalam pembangunan lestari termasuklah keadaan fizikal, keadaan ekologi, perkhidmatan alam sekitar, pentadbiran alam sekitar dan penglibatan komuniti (Piriera et., al, 2008; Abdul Samad Hadi, et al., 2006). Kelestarian bandar meliputi sebarang unsur yang boleh saling mempengaruhi persekitaran fizikal. Menurut Fatimah Yusof, Katiman Rostam dan Zikri Muhammad (2008) status lestari bagi persekitaran fizikal bandar bukan hanya melibatkan pengawalan dan pengurusan ekosistem bandar sahaja. Namun, pelbagai aspek lain yang tidak bersifat fizikal seperti demografi, ekonomi dan sosial penduduk bandar terangkum dalam usaha untuk mencapai matlamat pembangunan bandar lestari.

Dari segi kualiti hidup, pembangunan bandar lestari bermaksud meningkatkan kualiti hidup di bandar. Kualiti ekologi, budaya, politik, komponen institusi, sosial dan ekonomi tanpa meninggalkan beban kepada generasi akan datang. Beban tersebut dapat dikurangkan hasil daripada pengurangan modal semula jadi⁴ dan hutang yang terlalu berlebihan (Ratajczak, 2016). Satterthwaite (1997) berpendapat, bandar lestari merupakan perbandaran yang bestari dan berjaya memberikan kehidupan yang sihat

⁴ Modal sumber semula jadi merujuk kepada sumber-sumber yang wujud secara semula jadi yang merangkumi flora dan fauna serta bentuk-bentuk kejadian lain yang terdapat dalam di alam semesta yang boleh dimanfaatkan oleh manusia. Modal semula jadi boleh dikelompokkan kepada dua kategori, iaitu modal semula jadi yang boleh diperbaharui dan tidak boleh diperbaharui. Maksud modal semula jadi boleh diperbaharui merujuk kepada sumber-sumber alami yang tidak sukar untuk diperoleh dan dijangkakan tidak akan hilang sumbernya dalam masa yang pendek, seperti matahari, sungai dan laut. Manakala sumber modal semula jadi yang tidak boleh diperbaharui ialah sumber-sumber alam yang mudah hilang, mudah habis dan sukar untuk digantikan dalam masa yang singkat, antaranya ialah flora dan fauna, herba-herba dan sebagainya (W.A. Amir Zal, Hood Salleh, Mustaffa Omar, et al. 2014).

dan persekitaran kerja untuk penduduk, memberikan air bersih, sanitasi, kutipan sampah dan pelupusan, perparitan, jalan raya berturap dan infrastruktur lain yang penting untuk kesihatan dan pembangunan ekonomi. Kesemua ini dapat dikekalkan dalam hubungan ekologi yang seimbang dengan ekosistem tempatan dan global.

Dari sudut ekonomi, bandar yang lestari bermakna mewujudkan peluang kerjaya dan perniagaan, perumahan yang selamat dan mampu milik, membina masyarakat dan ekonomi yang berdaya tahan. Hal ini melibatkan pelaburan dalam pengangkutan awam, mewujudkan ruang awam hijau, dan memperbaiki perancangan dan pengurusan bandar dalam cara-cara penyertaan dan inklusif (UNDP, 2019). Abdul Samad Hadi, et al., (2006) dan Abdul Hadi Harman Shah, Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus dan Ahmad Fariz Mohamed (2010) menjelaskan dengan lebih lanjut bahawa bandar lestari merupakan bandar yang mampu menunjukkan peningkatan dalam kemajuan pembangunan ekonomi di samping penjagaan kualiti persekitaran asli, dapat menangani persekitaran binaan dengan baik serta kesannya dapat meneruskan kemajuan sosio-ekonomi masyarakat. Di samping itu, semua ahli masyarakatnya mempunyai keperluan asas dan kesejahteraan mereka terus berkekalan. Hal ini sesuai dengan visi bandar lestari iaitu menyediakan visi jangka panjang untuk kelestarian bandar dengan mengekalkan kelestarian terhadap generasi, sosial, ekonomi, politik, ekuiti dan keperibadian (Newman & Jennings, 2008:4).

Menurut Fatimah Yusof et al. (2008), langkah yang perlu diambil dalam mewujudkan pembangunan bandar lestari ialah dengan kerjasama daripada pihak yang berkepentingan dalam merancang bandar seperti pihak berkuasa tempatan (PBT), persatuan peniaga setempat, badan bukan kerajaan dan pengguna. Konsep pembangunan bandar lestari telah menjadi dasar perancangan bandar di kebanyakan negara maju. Justeru, perbandaran lestari perlu disusun secara komprehensif dalam

mewujudkan masyarakat yang saling membantu membina kehidupan yang lebih baik dan tanpa menyumbang kepada pencemaran, kerosakan alam dan pembaziran.

Dalam menguruskan dan mentadbir bandar, pihak berkuasa tempatan telah diberi tanggungjawab dalam memenuhi kehendak rakyat. Hal ini berikutan bagi memenuhi visi dan prinsip yang telah ditetapkan dalam Dasar Perbandaran Negara Kedua, iaitu visinya bagi mewujudkan bandar lestari bagi kesejahteraan rakyat. Dasar perbandaran Negara kedua telah digubal mengikut lima prinsip yang ditentukan berdasarkan ciri-ciri yang ditetapkan. Lima prinsip tersebut terdiri daripada tadbir urus bandar yang baik, bandar berdaya huni, ekonomi bandar berdaya saing, pembangunan bandar inklusif dan saksama dan pembangunan hijau dan persekitaran bersih (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, 2016)⁵. Kesemua aspek yang ditekankan dalam perbandaran lestari menumpukan kepada pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar namun mengabaikan aspek kerohanian. Pengabaian aspek kerohanian akan menyebabkan manusia hanya mementingkan aspek fizikal sahaja seperti yang tergambar dalam pembangunan lazim ataupun dipanggil pseudo-manusia (Muhammad Syukri Salleh, 2003).

Sehubungan itu, daripada semua 149 pihak berkuasa tempatan (PBT), hanya Majlis Perbandaran Kota Bharu, Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) sahaja yang meletakkan label Islam. MPKB-BRI juga telah mewujudkan Jawatankuasa Pemandu Pelan Induk Pembangunan Mampan pada November 2018. Jawatankuasa ini bertanggungjawab merancang pembangunan menyeluruh di Kelantan melibatkan aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar (MPKB-BRI, 2019). Perkara ini membolehkan

⁵ Bagi melaksanakan dasar ini, PBT memainkan tanggungjawab bagi mentadbir serta mengurus bandar mengikut prinsip yang dikemukakan. Di Malaysia jumlah majlis bandar raya yang ditugaskan untuk mengurus bandar ialah 12 buah bandar raya. Jumlah majlis perbandaran pula ialah 39 dan jumlah majlis daerah pula ialah 98 (Portal Rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2019).

kajian dilakukan bagi melihat kebolehlaksanaan MPKB-BRI sebagai perbandaran lestari Islam.

1.2.3 Kota Bharu, Kelantan Sebagai Bandar Raya Islam

Cadangan pembentukan Kota Bharu sebagai bandar raya Islam telah dikemukakan oleh bekas Menteri Besar Kelantan, Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat pada tahun 1992. Bagi merealisasikan hasrat ini, persidangan berkenaan falsafah dan konsep perancangan perbandaran Kota Bharu sebagai bandar raya Islam telah dilaksanakan pada tahun 2002 oleh pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB). Selepas itu disusuli pula dengan pembentukan kertas kerja "Rancangan Pembentukan Kota Bharu Bandar Raya Islam 2005". Pada tahun 2005, majlis pengistiharan Majlis Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) telah dibuat secara rasminya oleh Sultan Yang DiPertuan Negeri Kelantan⁶. Pengisytiharan ini bagi menandakan Kota Bharu ditadbir urus mengikut falsafah dan konsep yang bersumberkan al-Qur'an dan hadis (MPKB-BRI, 2017).

Oleh sebab syarat utama melayakkan sesebuah majlis diisytiharkan bandar raya apabila pendapatan tahunannya melebihi RM100 juta dan jumlah kepadatan penduduk 500 ribu, maka MPKB-BRI masih belum mencapai taraf sebagai bandar raya. Hal ini disebabkan MPKB-BRI masih tidak dapat memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2019) yang menetapkan Majlis Perbandaran perlu memenuhi kriteria

⁶ Menurut Perlembagaan Persekutuan, Perkara 181 menyebut peranan raja dalam perundangan sesebuah negeri. Penglibatan raja dalam proses penggubalan undang-undang di dalam negeri dan wilayah masing-masing pada masa dahulu dan kini tetap tidak disentuh. Raja boleh berbuat demikian berlandaskan ketetapan yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan negeri masing-masing. Menurut Perkara 70(1), Perlembagaan Persekutuan, keistimewaan raja-raja di setiap negeri membolehkan raja-raja mengambil keutamaan mengatasi orang lain dalam negerinya sendiri (Dipetik daripada Baharuddin Che' Pa (2003).

jumlah penduduk melebihi 150,000 orang dan hasil tahunan melebihi RM20 juta. Jumlah penduduk yang meliputi kawasan pentadbiran MPKB-BRI ialah 360, 452 orang pada tahun 2010 dan dijangka meningkat kepada 443, 754 orang pada tahun 2020 (Unit Rancangan Pembangunan Kota Bharu, JPBD Semenanjung Malaysia (2008). Bagi pendapatan pula, MPKB-BRI masih belum mencapai sasaran yang diinginkan bagi mencapai status bandar raya. Terdapat dua fasa pelan strategik yang dilaksanakan bagi mencapai status bandar raya Islam iaitu iaitu fasa pertama bermula tahun 2003 hingga tahun 2005 dan fasa kedua bermula 2006 hingga tahun 2015. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pembangunan dalam tempoh tersebut masih tidak berjaya (Mohd Azhar Abdullah & Raihanah Abdullah, 2010). MPKB-BRI meneruskan usaha tersebut dan mensasarkan pada tahun 2020 Kota Bharu bakal mencapai status bandar raya.

Pengisytiharan ibu negeri Kelantan, Kota Bharu sebagai sebuah bandar raya Islam merupakan satu tanda usaha yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan dalam mengamalkan pentadbiran bandar yang mengikut kehendak Islam (Wan Rahim Wan Yunan, 2005). Meskipun aspek kerohanian di bandar Kota Bharu ditekankan oleh pihak pentadbir, namun terdapat empat isu utama yang dikenal pasti berlaku di Kelantan khususnya dan di Kota Bharu amnya. Antara empat isu yang menjadi fokus kepada kajian ini iaitu isu sosial, alam sekitar dan kesihatan dan ekonomi.

Bandar Kota Bharu telah diberikan status sebagai bandar sederhana mampan berdasarkan pencapaian indeks kemampanan sebanyak 74.86 peratus (MURNInets, 2019). Status ini dilihat semakin menurun apabila sebelum ini bandar Kota Baharu mencapai tahap bandar lestari iaitu sebanyak 86 peratus pada tahun 2016 (MURNInets, 2017). Bandar Kota Bharu merupakan bandar sederhana mampan berbanding bandar lain yang mencapai tahap lestari seperti bandar Selayang, Kelang, Alor Gajah,

Langkawi, Jasin, Port Dickson, Kuantan, Bentong, Segamat, Muar dan Dungun⁷. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh beberapa indikator yang masih tidak mencapai piawaian dimensi yang ditetapkan oleh MURNInets seperti ekonomi, kualiti persekitaran, komuniti, guna tanah dan sumber asli, infrastruktur dan pengangkutan serta urus tadbir.

Antara indikator yang boleh dikaitkan oleh penurunan tahap kelestarian di Kota Bharu ialah masalah sosial yang berlaku di Kota Bharu khususnya dan di Kelantan umumnya. Bagi kadar jenayah, negeri Kelantan berada ditangga kelapan dengan indeks (247.1) berbanding Kuala Lumpur yang paling tinggi iaitu (716) dan diikuti oleh Selangor kedua tertinggi (408.6) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018). Namun, negeri Kelantan antara negeri yang mempunyai jumlah penagih dadah yang kedua tertinggi selepas negeri Pahang. Pada tahun 2018, negeri Kelantan mencatatkan peningkatan jumlah penagih seramai 4 153 berbanding 3 700 pada tahun 2017 (Portal Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2018). Memetik laporan daripada Bernama, Jajahan Kota Bharu merekodkan jumlah Orang Kena Pengawasan (OKP) paling tinggi iaitu 1476 orang (Portal Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, 2017). Keadaan ini menunjukkan Kelantan bakal berdepan dengan masalah sosial dengan peningkatan jumlah penagih dadah.

Oleh itu, MPKB-BRI sebagai institusi yang mentadbir bandar Kota Bharu berhasrat mengurangkan masalah sosial dengan mempertingkatkan langkah-langkah pembasmian aktiviti maksiat dan kemungkaran dalam kawasan majlis. Sekiranya MPKB-BRI dapat mengurangkan gejala sosial, jenayah, maksiat dan kemungkaran,

⁷ Bandar Selangor dan Klang terletak di Selangor. Bandar Alor Gajah terletak di Melaka manakala bandar Langkawi di Kedah. Bandar Jasin dan Port Dickson pula terletak di Negeri Sembilan. Bandar Kuantan dan Bentong letaknya di negeri Pahang manakala bandar Segamat dan Muar di negeri Johor. Bandar pula Dungun di negeri Terengganu. Kesemua bandar ini diiktiraf sebagai bandar lestari pada tahun 2019 oleh MURNInets (MURNInets, 2019).

bandar Kota Bharu mampu menjadi bandar raya yang tahap jenayah dan masalah sosialnya kurang meskipun tahap pembangunannya makin maju.

Isu kesihatan dan kebersihan di Kelantan masih di tahap yang kurang baik. Tahap peratusan kes denggi di Kelantan merupakan ketiga tertinggi di Malaysia iaitu 0.48 peratus dengan jumlah 3 893 kes terkumpul daripada Disember 2018 sehingga Ogos 2019 (Portal Kementerian Kesihatan Malaysia, 2019). Situasi ini menunjukkan bahawa MPKB-BRI memainkan peranan penting dan berusaha meningkatkan tahap kesihatan dan kebersihan di bandar Kota Bharu. Hal ini selari dengan objektif mempertingkatkan perkhidmatan perbandaran dengan memberi penekanan kepada aspek kebersihan dan keindahan bandar (MPKB-BRI, 2016). Oleh itu perbandaran lestari Islam dilihat penting dalam meningkatkan mutu perbandaran di MPKB-BRI.

Kelantan juga berdepan dengan isu alam sekitar seperti masalah banjir. Banjir besar yang berlaku di Kelantan pada bulan Disember 2014 telah memberi kesan negatif kepada kehidupan harian masyarakat yang terlibat. Kawasan Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh yang berada di bahagian utara negeri berdepan dengan ancaman air pasang sehingga mencetuskan banjir kilat dan hakisan ombak di kawasan pantai (Muhammad Barzani Gasim, 2015). Kejadian banjir pada tahun tersebut menyebabkan lima kematian dan sebanyak 158 476 orang penduduk terpaksa berpindah (Portal Bencana, 2014). Daerah Kota Bharu merupakan daerah yang paling kerap berlaku banjir dengan jumlah kekerapan sebanyak 38 kali pada tahun 2016 (Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, 2018). Hal ini menunjukkan MPKB-BRI selaku pihak PBT, menggalas tugas dalam memastikan keadaan persekitaran dan alam sekitar di Kota Bharu tidak terjejas oleh kemusnahan alam sekitar.

Dari sudut ekonomi, peratusan kemiskinan bandar di Kelantan pada tahun 2016 ialah 0.6 peratus iaitu keempat tertinggi selepas Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016). Keadaan ini menjadikan MPKB-BRI memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial ekonomi masyarakat selaras dengan misinya iaitu membawa kemakmuran dan kesejahteraan hidup kepada masyarakat bandar dan mempertingkatkan kemajuan sosio-ekonomi serta memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi bandar Kota Bharu khasnya dan negeri Kelantan amnya (MPKB-BRI, 2016). Sekiranya matlamat ini dapat dicapai, MPKB-BRI mampu menjadi sebuah bandar raya yang berdaya saing seiring dengan pembangunan Islam yang diamalkan.

Oleh sebab MPKB-BRI mengiktiraf dirinya sebagai bandar raya Islam, maka ciri-ciri bandar Islam seperti sejahtera dan tidak merosakkan perlu ada di MPKB-BRI. Ciri-ciri ini sekali gus membawa kepada pembangunan lestari yang mengutamakan pembangunan secara berterusan (Atikullah Abdullah, 2009). Justeru, dalam usaha kerajaan negeri Kelantan menjadikan Kota Bharu sebagai bandar raya Islam yang bersih dan indah maka PLI dilihat kebolehlaksanaannya di MPKB-BRI.

1.3 Pernyataan Masalah

Perbincangan sebelum ini menunjukkan bahawa pentingnya sesebuah bandar sebagai tempat tumpuan untuk pelbagai aktiviti. Menurut UN-Habitat (2020), populasi global telah berubah dengan cepat dengan peningkatan daripada 4 bilion pada tahun 1975 menjadi 7.3 bilion pada tahun 2015 dan kini diunjurkan mencapai 9.1 bilion pada tahun 2050. Antara tahun 1975 dan 2015, jumlah penduduk di bandar meningkat dua kali ganda dari 1.5 bilion hingga 3.5 bilion. Peningkatan ini diunjurkan akan berterusan dengan meningkat lagi kepada 5 bilion menjelang 2050. Pada tahun 1975, 37%

populasi dunia tinggal di bandar dan meningkat kepada 48% pada tahun 2015. Perkembangan ini dijangka meningkat kepada 55% menjelang 2050 (UN-Habitat, 2020).

Proses perbandaran yang pesat mengakibatkan sekurang-kurangnya empat masalah. Pertama, masalah berkaitan ekonomi seperti kemiskinan, pengangguran, ketidakseimbangan ekonomi dan setingan (Fatimah Yusof, Katiman Rostam & Zikri Muhammad, 2008; Fazli Abd Hamid & Ramli Dollah, 2006:57-58). Kedua, masalah berkaitan sosial seperti jenayah dan pelacuran (Samruhaizad Samian@Samion, Jamalud Md. Jahi & Azahan Awang, 2014). Ketiga, kemerosotan kesejahteraan hidup akibat cabaran memenuhi keperluan penduduk bandar yang semakin meningkat seperti perumahan, pengangkutan, sistem tenaga dan infrastruktur lain, pekerjaan dan perkhidmatan asas seperti pendidikan serta penjagaan kesihatan (UN DESA, 2018; Fatimah Yusof, Katiman Rostam & Zikri Muhammad, 2008). Keempat, masalah alam sekitar seperti pencemaran air, udara, bunyi, sisa pepejal serta banjir kilat yang menjadi isu utama pada masa ini (Brunn, Williams & Darden, 1983:36; Hasnah Ali, Dody Dermawan, Noraziah Ali, Maznah Ibrahim & Sarifah Yaacob, 2012).

Kepadatan penduduk yang tinggi dan gaya hidup yang mewah dalam kalangan penduduk bandar juga menyebabkan penggunaan sumber semula jadi seperti air, tenaga dan bahan api yang tinggi. Terdapat juga penyalahgunaan sumber semula jadi di bandar yang menyebabkan berlaku kekurangan air dan kekurangan produk hutan (Mohit Singh Rai, 2017). Kesan negatif daripada proses perbandaran menyebabkan kegagalan masyarakat bandar menjalani keseimbangan kehidupan di bandar. Keseimbangan bandar terjadi apabila perbandaran terbentuk secara tidak terkawal dan tanpa perancangan yang teliti (Khalthum Hassan, 2004). Menurut Baird (1999), proses perbandaran dan perkembangan bandar sama ada di negara maju atau sedang

membangun pada umumnya tidak bersifat lestari. Hal ini disebabkan banyaknya masalah yang boleh mengekang usaha sama ada untuk memenuhi keperluan penduduk pada masa ini mahupun generasi akan datang (Fatimah Yusof, Katiman Rostam & Zikri Muhammad, 2008). Kemelut pembangunan kawasan bandar membawa kepada kemerosotan keseluruhan kualiti hidup masyarakatnya (Jamilah Mohamad, 1998: 122). Lebih-lebih lagi, perancangan bandar lebih menjurus kepada usaha melengkapkan keperluan hidup manusia dengan sempurna yang bersifat fizikal dan terpisah daripada kolektif sosial (Kartini Aboo Talib @ Khalid, 2016).

Kegagalan memenuhi keseimbangan dalam pembangunan bandar menuntut setiap negara menekankan kepada pembangunan bandar lestari. Perbandaran lestari harus seiring dengan mendasari sebarang usaha pembangunan yang dijalankan di mana-mana negara mundur, sedang membangun atau yang maju. Namun demikian, implementasi konsep tersebut masih samar apabila pembangunan banyak dijalankan tanpa menghiraukan kesejahteraan sejagat. Perubahan kemajuan yang dilakukan menyebabkan kerosakan dan bencana (Haryati Shafii & Nurasyikin Miskam, 2011). Kerosakan yang berlaku mengakibatkan ketidakseimbangan proses pembangunan bandar. Jika sistem semula jadi di bandar tidak seimbang, maka pembangunan bandar secara keseluruhan sukar untuk dilestarikan (Xiangsheng Dou, Shasha Li & Jing Wang, 2013).

Oleh itu, secara keseluruhannya bandar lestari membawa kepada ciri-ciri seperti pembentukan bandar secara terkawal, perancangan teliti ke atas pembangunan bandar, peningkatan keseluruhan kualiti hidup dan sekaligus memenuhi kesejahteraan sejagat. Sekiranya kesemua ciri-ciri tersebut dipenuhi, sesebuah bandar akan mencapai tahap bandar lestari seterusnya mengimbangi pembangunan bandar dan mengurangkan kesan negatif ke tahap yang paling minimum.

Menurut UNDP (2019), bagi mewujudkan perbandaran lestari terdapat beberapa tuntutan yang perlu dipenuhi. Antaranya menyediakan peluang kerjaya dan perniagaan, perumahan yang selamat dan mampu milik, pembangunan masyarakat dan ekonomi. Perkara lain yang diutamakan antaranya pelaburan dalam pengangkutan awam, mewujudkan ruang awam hijau, memperbaiki perancangan dan pengurusan bandar dengan penyertaan inklusif. Kesemua aspek ini dilihat hanya menekankan kepada pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar dan mengabaikan aspek kerohanian. Kesan pengabaian aspek kerohanian boleh menyebabkan berlaku *pseudo-manusia* iaitu manusia yang mementingkan aspek fizikal sahaja seperti yang tergambar dalam pembangunan lazim (Muhammad Syukri Salleh, 2003:25).

Justeru itu, perbandaran lestari dengan unsur Islam dilihat memainkan peranan penting bagi membolehkan sesebuah bandar diurus dengan sifat menyeluruh. Pembangunan yang dilaksanakan bukan hanya mengambil kira aspek fizikal malah dapat merangkumi aspek kerohanian. Namun begitu, bagaimanakah PLI ini? Setakat ini di Malaysia, hanya Kota Bharu kawasan mensasarkan bandar raya Islam sebagai matlamat perbandarannya. Pihak berkuasa tempatan (PBT) yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir Kota Bharu ialah MPKB-BRI. Meskipun belum berstatus majlis bandar raya, namun MPKB-BRI mensasarkan Kota Bharu sebagai bandar raya Islam yang mengamalkan syariat Islam dalam pentadbiran dan pengurusan bandar selaras dengan dasar negeri Kelantan yang telah diperkenalkan sejak tahun 1990 iaitu Membangun Bersama Islam (MPKB-BRI, 2016). Perbandaran lestari Islam yang menekankan pembangunan yang menyeluruh dapat diteliti dalam pembangunan bandar oleh MPKB-BRI yang menumpukan bukan hanya pembangunan fizikal malah juga pembangunan spiritual. Oleh yang demikian, MPKB-BRI sebagai bandar raya Islam sepatutnya melaksanakan pembangunan yang

bercirikan tidak merosakkandan sejahtera. Hal ini kerana pembangunan Islam itu sendiri merupakan pembangunan lestari iaitu pembangunan berterusan yang berlandaskan kepada ciri-ciri tersebut (Atikullah Abdullah, 2009; Khatijah Othman, Zulkiple Abd Ghani, Maziahtusima Ishak, Siti Rugayah Tibek & Noor Azizi Ismail, 2017). Persoalannya setakat mana ciri-ciri ini ada di MPKB-BRI? Secara lebih khusus setakat mana perbandaran lestari islam ada pada MPKB-BRI?

Sekiranya imej bandar Kota Bharu tidak melambangkan bandar raya Islam yang sebenar, kempen penjenamaan bandar raya Islam oleh MPKB-BRI ini mungkin menghadapi kegagalan (Mohd Fadil Mohd Yusof & Mohd Rafi Yaacob, 2013:163). Oleh sebab itu, pentingnya MPKB-BRI melaksanakan proses perbandaran bagi Kota Bharu sesuai dengan PLI agar Kota Bharu benar-benar menepati status bandar raya Islam yang diidamkan.

Justeru, bagaimanakah kedudukan MPKB-BRI jika dinilai berdasarkan PLI? Kajian ini berhasrat meneliti persoalan ini dengan lebih lanjut berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang dikemukakan dalam bahagian seterusnya.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan perbincangan dalam pernyataan masalah, secara umumnya objektif kajian ini bertujuan meneliti perbandaran lestari Islam. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menenal pasti perbandaran lestari Islam.
2. Menganalisis perbandaran MPKB-BRI berdasarkan perbandaran lestari Islam.
3. Merumuskan kebolehlaksanaan perbandaran lestari Islam di MPKB-BRI.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah ciri-ciri perbandaran lestari Islam?
- ii. Apakah prinsip perbandaran lestari Islam?
- iii. Apakah prinsip perbandaran di MPKB-BRI?
- iv. Apakah kepentingan perbandaran lestari Islam di MPKB-BRI?
- v. Bagaimanakah pelaksanaan perbandaran di MPKB-BRI berdasarkan perbandaran lestari Islam?
- vi. Apakah kebolehlaksanaan perbandaran lestari Islam di MPKB-BRI?

Jadual 1.2: Hubung Kait Objektif dengan Persoalan Kajian

Bil.	Objektif Kajian	Bil.	Persoalan Kajian
1.	Mengenal pasti perbandaran lestari Islam	i. ii.	Apakah ciri-ciri perbandaran lestari Islam? Apakah prinsip perbandaran lestari Islam?
2.	Menganalisis perbandaran MPKB-BRI berdasarkan perbandaran lestari Islam	iii. iv. v.	Apakah prinsip perbandaran di MPKB-BRI? Apakah kepentingan pelaksanaan perbandaran lestari Islam oleh MPKB-BRI? Bagaimanakah pelaksanaan perbandaran di MPKB-BRI berdasarkan perbandaran lestari Islam?
3.	Merumuskan kebolehlaksanaan perbandaran lestari Islam di MPKB-BRI	vi.	Apakah kebolehlaksanaan perbandaran lestari Islam di MPKB-BRI?

1.6 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat dua kata kunci yang perlu didefinisikan secara operasional supaya analisis yang dilakukan dalam bab-bab seterusnya dapat difahami secara jelas. Pertama, perbandaran dan kedua, perbandaran lestari Islam. Justifikasi bagi setiap kata kunci ini juga turut dijelaskan dalam subtopik yang telah ditetapkan.

1.6.1 Perbandaran

Perkataan perbandaran merupakan kata terbitan bandar dan didefinisikan dengan pelbagai definisi. Misalnya definisi yang dikemukakan dari pelbagai bidang seperti budaya, politik, ekonomi dan demografi. Perancangan bandar merupakan bidang yang berkaitan dengan pembangunan iaitu ekonomi, sosial, persekitaran, demografi, fizikal dan ruang serta pentadbiran. Bagi definisi dari sudut budaya, bandar merupakan penempatan yang telah ditentukan atas dasar budaya bandar, sistem sosial, sistem ruangan, sistem kecil masyarakat dan sistem kecil organisasi ruang.

Pakar politik mendefinisikan perbandaran sebagai pusat yang menjadi fungsi pentadbiran. Perbandaran berkait rapat dengan hal ehwal mengurus atau mentadbir sesebuah bandar. Bagi definisi ekonomi, penduduk bandar merupakan peratusan yang tinggi terlibat dalam pekerjaan bukan pertanian (Palen, 2002:7). Menurut Ashaluddin Jalil (2004:41), hal ini berkait rapat berhubung proses perbandaran dengan penghijrahan penduduk dari kawasan luar bandar ke bandar kesan daripada pembangunan ekonomi dan perindustrian. Oleh itu, penghijrahan penduduk bandar membawa kepada pelbagai perubahan dalam kehidupan bermasyarakat (Xizhe Peng, Xiangming Chen dan Yuan Cheng, 2010).

Definisi yang dikemukakan daripada aspek demografi iaitu perbandaran dilihat daripada saiz penduduk (Palen, 2002:7). Rahimah Abdul Aziz, (1989) menyatakan perbandaran tidak dapat dipisahkan dengan proses perbandaran yang dianggap sebagai satu fenomena sosioekonomi yang merangkumi dua unsur penting. Pertama, kemudahan-kemudahan awam yang ditumpukan di sesebuah kawasan tertentu dan kedua jumlah penduduk di kawasan bandar. Hasil tafsiran bandar daripada pengkaji lepas menunjukkan perbandaran dimaksudkan dengan pelbagai bidang, fungsi, proses dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, penyelidik menyimpulkan definisi operasional perbandaran berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh Portal Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2019) yang mendefinisikan Majlis Perbandaran berdasarkan kriteria jumlah penduduk yang melebihi 150,000 orang dan hasil tahunan melebihi RM20 juta seperti yang dinyatakan secara terperinci dalam bab dua. MPKB-BRI merupakan majlis perbandaran yang menumpukan kepada empat dimensi perbandaran iaitu pembangunan pengurusan, pembangunan ekonomi, pembangunan insan dan pembangunan fizikal. Definisi perbandaran inilah yang diguna pakai dalam kajian ini.

1.6.2 Perbandaran Lestari Islam

PLI masih belum ada dan menyebabkan tiada definisi khusus untuk memberikan pengertian terhadap kata kunci ini. Oleh itu, definisi operasional perbandaran lestari ditinjau terlebih dahulu. Bandar lestari yang diguna pakai dalam kajian ini berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh (*United Nations Centre For Human Settlement (HABITAT)*, 2018); (Wadhwa, 2002); Smith (1996:664); (Lundqvist, 2007:7); Roseland (1997) dan Abdul Hadi Harman Shah, et al. (2010:179).